

BARANGAN MAINAN TERPAKAI HIBURKAN PESAKIT

Siapa sanggup mengumpulkan barangan mainan terpakai lalu dibersihkan dan diberikan kepada pesakit kanak-kanak di Wad Pediatrik Hospital Serdang?

Ramai menganggapnya perkara leceh, namun itulah antara usaha murni dilakukan 30 sukarelawan dari pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) Sahabat Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memberikan kegembiraan kepada pesakit kecil menerusi Projek Ziarah Putra.

Program itu menjadi lebih menarik dengan kemunculan adiwira Ultraman dan ahli silap mata untuk bersama-sama



SUKARELAWAN yang terbabit dengan Projek Ziarah Putra Wad Pediatrik Hospital Serdang.

manfaat kepada masyarakat bertujuan meluaskan jaringan perhubungan dengan komuniti sekitar kampus UPM.

“Melalui aktiviti seperti ini dapat membentuk nilai sahsiah yang murni dalam diri sukarelawan selain mengeratkan ukhuwah di antara mereka.

“Program ini berjaya diterjemahkan sebagai satu platform bagi sukarelawan menimba pengalaman berharga dan membentuk perasaan mudah simpati terhadap golongan kurang bernasib baik,” katanya.

Rafidah berkata, sekiranya sukarelawan mempunyai perasaan sedemikian sudah tentu menjadikan mereka seorang yang mudah membantu orang lain sekali gus dapat mewujudkan masyarakat prihatin.

Katanya lagi, pihaknya berhasrat meneruskan program itu pada masa akan datang supaya lebih ramai pesakit mendapat manfaat terbabit.

membantu menghiburkan pesakit di wad berkenaan.

Ketua Projek Ziarah Putra Rafidah Sadarudin berkata, sebelum diserahkan kepada penerima pihaknya terlebih dahulu membuat pemilihan bagi memastikan barangan mainan diberikan itu tidak mendatangkan bahaya kepada penerima.

“Semua barangan ini sumbangan orang ramai yang kami tidak

sangka sambutan mereka (penyumbang) begitu menggalakkan.

“Sementara barangan mainan bersaiz besar ditempatkan di bilik mainan di wad berkenaan supaya pesakit lain boleh sama-sama menggunakannya,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya berasa seronok apabila dapat melihat senyuman yang terukir pada wajah kanak-

kanak terbabit dan sedikit sebanyak dapat membantu mereka melupakan seketika penyakit dihidap.

“Pada masa sama, kami turut memberi sumbangan lain berupa makanan kepada pesakit dan juga jururawat bertugas,” katanya.

Katanya, selain itu Sahabat Masjid kerap melaksanakan aktiviti sosial lain yang memberi



'ULTRAMAN' bermesra dengan kanak-kanak.